


## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Bahagian Perkastaman,  
Cawangan Pelabuhan - Pelabuhan,  
Pelabuhan Senari, Jalan Bako,  
93050 Kuching  
Sarawak



Telefon : +082- 433205  
Faks : +082 - 432505  
Laman Web : [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KE.YB (74)145/15 JLD.3 (13)  
Tarikh : 27 Syawal 1444H  
18 Mei 2023

### SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

### PEMBERITAHUAN URUSAN PENGIKRAN DAGANGAN DAN PEMBAYARAN DUTI/CUKAI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) PELABUHAN PENDING (Y35) KE CAWANGAN PELABUHAN KUCHING, SENARI (Y44)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, kesemua urusan pengikran dagangan dan pembayaran duti/cukai berkaitan import/eksport JKDM Pelabuhan Pending (Y35) akan disatukan ke Cawangan Pelabuhan Kuching, Senari (Y44) berkuatkuasa 1 Julai 2023.
3. Justeru itu, kesemua urusan pengikran dagangan dan pembayaran duti/cukai menerusi portal Dagang Net terutama menggunakan mod pembayaran *Electronic Fund Transfer* bagi JKDM Pelabuhan Pending (Y35) bermula pada tarikh tersebut hendaklah menggunakan kod stesen Cawangan Pelabuhan Kuching, Senari (Y44).
4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

( RIZAMAN BIN ABD RAHMAN )

Ketua Bahagian Perkastaman  
b.p.: Pengarah Kastam Negeri  
SARAWAK